

11 DEC 1996

POLITIK TERUS WARNAI PENGHIDUPAN HARIAN RAKYAT SEPANJANG 1996 SOROTAN-POLITIK

Oleh: Ali Mamat dan Azman Hashim

KUALA LUMPUR; -- Di sebalik kepesatan pembangunan infrastruktur dan ekonomi yang dilalui oleh negara, politik terus menguasai penghidupan harian hampir setiap rakyat Malaysia sepanjang 1996.

Walaupun ia bukan tahun pilihan raya umum, 1996, seperti tahun-tahun sebelumnya dipenuhi dengan pelbagai episod politik yang mempunyai kesan secara langsung atau tidak langsung kepada rakyat.

Antara episod paling menarik ialah perebutan jawatan-jawatan tertinggi Umno dan kemelut politik yang berlarutan di Kelantan yang dikuasai Pas.

Pertandingan merebut jawatan Umno (kecuali jawatan presiden dan timbalan presiden) pada bulan Oktober sangat besar ertinya kerana keputusannya dianggap suatu petunjuk corak kepimpinan masa depan negara.

Persaingan merebut tiga jawatan Naib Presiden, umpamanya, menyaksikan bagaimana penyandang yang memperolehi undi tertinggi pada pemilihan 1993 iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin diketepikan ke tempat keenam dalam pertandingan tujuh penjuror itu.

Ia juga menyaksikan pemilihan semula Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi ke dalam kem eksklusif itu selepas ditewaskan pada tahun 1993.

Dua lagi penyandang, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib berjaya mempertahankan kedudukan masing-masing. Najib yang menduduki tempat teratas dengan memperolehi 1,483 undi dianggap berada dalam kedudukan paling selesa, sekurang-kurangnya daripada segi populariti.

Perlumbaan merebut jawatan Naib Presiden juga berkesudahan dengan kekalahan dua pemimpin lain iaitu Menteri Besar Perak Tan Sri Ramle Ngah Talib dan Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar. Kalaulah tidak kerana Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dibekalkan kuasa untuk melantik anggota Majlis Tertinggi tambahan, kedua-dua pemimpin itu yang memasuki pertandingan untuk "sama ada hidup atau mati" mungkin sudah kehilangan peluang untuk menyertai rakan-rakan yang lain dalam badan pembuat dasar itu.

Pemilihan 1996 juga menyaksikan satu kejutan apabila Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan Datuk Seri Rafidah Aziz gagal mempertahankan kedudukan masing-masing sebagai Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Rahim yang mengetuai semula pergerakan itu selepas berundur seketika pada 1995 ditewaskan oleh Datuk Zahid Hamidi dalam pertandingan lima penjuror manakala Rafidah yang telah mengetuai pergerakan Wanita selama 12 tahun ditewaskan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Zaharah Sulaiman.

Selain Rahim, perebutan bagi jawatan Ketua Pemuda juga menyaksikan kekalahan dua tokoh lain iaitu Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Tidak seperti Isa, Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan agak malang kerana tidak dilantik semula sebagai anggota MT, menyebabkan masa depan kerjaya politiknya kini dikatakan samar-samar.

Pemilihan bagi 25 jawatan anggota MT juga menyaksikan beberapa kejutan, termasuk kekalahan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabaruddin Chik.

Bagaimanapun, "esok masih ada" bagi Sabaruddin kerana beliau kemudian dilantik oleh Dr Mahathir menggantikan Datuk Mohamed Rahmat sebagai Setiausaha Agung Umno. Mohamed sendiri dimasukkan ke dalam senarai 10 anggota MT yang dilantik.

Satu aspek positif yang lahir daripada pemilihan itu ialah wujudnya

tanda-tanda bahawa politik wang yang menghantui Umno sejak beberapa tahun telah sedikit-sebanyak dapat dibendung, berkat kempen besar-besaran bagi membanterasnya.

Sebaliknya, 1996 bukanlah satu tahun yang membanggakan bagi Pas yang telah menguasai Kelantan sejak pilihan raya umum 1990.

Pas terpaksa berhempas pulas untuk mengekalkan kuasa di satu-satunya negeri yang ditadbir pembangkang itu kerana wujudnya pelbagai cabaran dan serangan daripada segenap penjuru, terutama dari bekas rakan kongsinya, bekas Parti Melayu Semangat 46.

Masalah Pas bermula tidak lama selepas pilihan raya umum 1995 apabila S46 menuduhnya mencabuli syarat-syarat perjanjian kerjasama, terutama berhubung pengagihan kuasa dan penggubalan dasar-dasar negeri.

Permusuhan mereka bertambah sengit apabila Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah mengumumkan pada pertengahan tahun untuk membubarkan parti itu dan membawa pengikutnya menyertai Umno. (S46 dibubarkan secara rasmi pada bulan Oktober dan Tengku Razaleigh bersama-sama dengan khabarnya 200,000 anggota memohon menyertai Umno).

Pas bertindak balas dengan memutuskan semua bentuk kerjasama dengan S46, termasuk melucutkan portfolio keempat-empat orang anggota Exco kerajaan negeri daripada parti itu.

Bagaimanapun, Pas gagal memecat mereka kerana Sultan Kelantan dikatakan enggan menerima menghadap Menteri Besarnya Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, sedangkan mengikut perlembagaan negeri perlantikan atau pemecatan seseorang anggota Exco memerlukan perkenan diraja.

Tiga daripada anggota Exco itu akhirnya meletak jawatan pada 9 Disember selepas diarahkan berbuat demikian oleh MT Umno. Satu lagi kerusi menjadi kosong secara automatik apabila penyandanginya iaitu anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Pulai Condong Mohd Nor Ahmad meninggal dunia enam hari sebelum itu.

Permusuhan antara Pas dan Istana itu sendiri satu episod malang yang menimpa Kelantan. Ia semua bermula apabila Pas berhasrat meminda perlembagaan negeri bagi menjelaskan lagi peranan Sultan serta memansuhkan kekebalan baginda, selepas mendakwa Istana campur tangan dalam pentadbiran negeri.

Tidaklah diketahui sama ada sikap menentang yang ditunjukkan oleh Setiausaha Kerajaan negeri Datuk Wan Hashim Wan Daud terhadap kerajaan negeri itu ada pertalian dengan dakwaan Pas bahawa Istana menggunakan tekanan ke atas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (SPN) dan Majlis Hal Ehwal Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Yang nyata, Wan Hashim, SPN dan MAIK sememangnya bertelagah dengan kerajaan negeri. Perlantikan Timbalan Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis Perbandaran Kota Baharu oleh SPN tidak diiktiraf oleh kerajaan Pas.

Nik Aziz juga tidak pernah diundang ke beberapa majlis sosial atau keagamaan anjuran MAIK yang dihadiri oleh Sultan.

Walaupun perletakan jawatan anggota Exco daripada bekas S46 daripada kerajaan negeri sesuatu yang melegakan, masalah sebenar Pas masih belum berakhir kerana banyak pihak sangsi Pas akan memperolehi perkenan Sultan dengan mudah bagi mengisi kekosongan empat jawatan Exco itu dengan anggotanya sendiri.

Kemudian timbul pula desas-desus kononnya Pas dan Umno secara senyap-senyap sedang berunding ke arah penubuhan sebuah kerajaan campuran di peringkat negeri. Nik Aziz dan Annuar dilaporkan sangat berminat dengan rancangan itu walaupun ada tentangan hebat, termasuk dari kalangan Umno dan Dewan Pemuda Pas sendiri.

Sehingga itu, Umno dan Pas akan terus menunjuk kekuatan, dan medan terawal untuk itu ialah pilihan raya kecil Pulai Condong untuk mengisi kekosongan berikutan kematian Mohd Nor. Hari penamaan calon bagi pilihan

raya itu ialah pada 26 Disember manakala hari mengundi 6 Januari.

Tahun 1996 juga bukan satu tahun yang boleh dibanggakan bagi DAP. Tindakan paling hebat yang dialami parti pembangkang itu ialah apabila kedua-dua anggota Dewan Undangan Negeri Sembilannya menyertai MCA pada bulan November, menyebabkan dewan berkenaan dikuasai sepenuhnya oleh BN.

Sebaliknya, 1996 tahun penuh cemerlang bagi BN di Sarawak apabila ia kembali berkuasa dengan selesanya di negeri itu dengan memenangi 57 daripada 62 kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya negeri September lepas.

Di Sabah, 1996 tahun yang agak sibuk bagi BN yang memerintah untuk mengemaskan kedudukan, terutama dengan adanya ancaman berterusan daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk kembali berkuasa.

Satu langkah efektif ke arah itu ialah menunaikan janji pilihan rayanya untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri setiap dua tahun sekali di kalangan parti-parti komponennya yang mewakili tiga suku kaum utama di negeri itu iaitu Bumiputera Islam, Bumiputera bukan-Islam dan Cina.

Walaupun pada awalnya sistem itu menghadapi tentangan, terutamanya daripada Umno sendiri, ia telah dapat diatasi dengan baik oleh Dr Mahathir dan Datuk Yong Teck Lee, Presiden Parti Progresif Sabah (SAPP) telah dilantik sebagai Ketua Menteri yang baru menggantikan Datuk Salleh Tun Said Keruak daripada Umno pada bulan Mei.

Tahun itu juga menyaksikan kembalinya bekas Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid ke dalam arus perdana politik apabila dilantik Menteri Besar Kedah menggantikan Tan Sri Osman Aroff. Walaupun ura-ura perlantikan Sanusi pada awalnya menerima tentangan hebat, Dr Mahathir sekali lagi mempamerkan kebijaksanaan politiknya dengan menyelesaikan isu itu secara harmoni.

Seterusnya, tahun 1996 menyaksikan bagaimana Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik kekal tanpa cabaran sebagai Presiden Gerakan, dan tokoh yang ingin mencabarnya pada pemilihan parti itu September lepas iaitu anggota Parlimen kawasan Batu Datuk Joseph Chong akhirnya bertindak keluar parti.

Kecuali semua itu, tahun 1996 tahun yang sunyi bagi beberapa anggota komponen BN yang lain. Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri S. Samy Vellu terus mantap pada kedudukan masing-masing sebagai presiden MCA dan MIC, walaupun tahun itu juga menyaksikan sedikit perubahan pada barisan kepimpinan MCA, termasuk kenaikan pangkat Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek yang menang tanpa bertanding jawatan Timbalan presiden selepas penyandangannya Datuk Lee Kim Sai bersara dari politik.

Tanpa itu semua, tahun 1996 pada keseluruhannya adalah satu lagi tahun penuh kecemerlangan bagi rakyat Malaysia dalam mengejar keamanan, keharmonian dan kemakmuran. -- Bernama

AM AH